

## PRODUK PERBENDAHARAAN

### Risalah Penerangan Produk – Deposit Wakalah-i

Tarikh : .....

Sila baca Risalah Penerangan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk melabur di dalam Deposit Wakalah-i. Pastikan anda membaca terma dan syarat dalam surat tawaran dan/atau perjanjian produk. Dapatkan penjelasan daripada Bank jika anda tidak memahami mana-mana bahagian dokumen ini atau syarat am.

#### 1. Apakah itu Wakalah Deposit-i?

- Bank bertindak sebagai ejen (Wakil) bagi pelanggan untuk melabur dalam dana pelanggan. Bank menerima deposit daripada pelanggan dan melaburkannya dengan objektif untuk membuat keuntungan. Deposit tersebut diinsuranskan dengan Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM).

#### 2. Siapakah yang boleh melabur di dalam Wakalah Deposit-i?

- Korporat, Perusahaan Kecil dan Sederhana(PKS), badan Kerajaan dan Berkanun.

#### 3. Bagaimanakah produk ini dikendalikan?

- Sebelum apa-apa pelaburan, AFB (Wakil) akan memaklumkan pelanggan (Muwakil) tentang pulangan daripada pelaburan yang boleh dijangka oleh Muwakil.
- Keuntungan yang dibayar pada tarikh matang akan ditentukan berdasarkan keuntungan sebenar yang diperoleh daripada aktiviti pelaburan tersebut oleh Bank.

#### 4. Apakah konsep dan kontrak Syariah yang digunakan?

- Konsep Syariah yang digunakan ialah Wakalah.
- Kontrak ini memberikan seseorang kuasa untuk menamakan seseorang untuk bertindak bagi pihaknya, berdasarkan terma dan syarat yang dipersetujui.

#### 5. Apakah yang akan saya peroleh daripada produk ini?

- Tempoh pelaburan bermula daripada semalaman hingga 12 bulan.
- Pengeluaran awal tidak disyorkan tetapi dibenarkan dengan keuntungan yang dijangka akan diselaraskan.
- Tiada pembaharuan secara automatik.

#### 6. Apakah dokumen asas yang diperlukan?

- Memorandum/Tataurusan Persatuan.
- Sijil Penubuhan.
- Penandatanganan yang Diberi Kuasa.
- Borang 24, 45 & 48A.
- Resolusi oleh Lembaga Pengarah.

#### 7. Dokumen undang-undang

- Perjanjian Wakalah Induk serta dokumen urusan dan keperluan undang-undang sedia ada yang lain hendaklah disempurnakan (jika berkenaan).
- Pelanggan berhak/mempunyai pilihan untuk meminta semua dokumen undang-undang sama ada dalam Bahasa Melayu atau Bahasa Inggeris.

#### 8. Apakah fi dan caj yang perlu saya bayar?

- Fi pengurusan dan caj jualan lain
  - i. Fi pengurusan dan caj jualan lain ditaksir dalam kadar pulangan pelaburan.
- Penalti untuk pengeluaran awal. Sila rujuk terma dan syarat utama di atas.

**9. Apakah Cukai Barangan dan Perkhidmatan Kerajaan?**

- Cukai Barang & Perkhidmatan (CBP) oleh Kerajaan adalah dikenakan ke atas semua Pembekalan yang dianggap Bercukai (jika ada) di bawah Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan (CBP) 2014, lanjutan daripada penyediaan Produk & Perkhidmatan pihak Bank. CBP adalah eksklusif ke atas nilai Pembekalan yang dianggap boleh dikenakan cukai pada kadar yang ditetapkan.

**10. Apakah yang perlu saya lakukan jika terdapat apa-apa perubahan dalam butiran alamat surat menyurat saya?**

- Pelanggan perlu memaklumkan Bank secara rasmi tentang apa-apa perubahan dalam butiran pelanggan untuk memastikan semua surat-menyurat sampai kepada pelanggan tepat pada masanya. Sila hubungi kami di talian 03-20791000 atau datang ke mana-mana cawangan kami untuk mendapatkan penjelasan lanjut.

**11. Di manakah boleh saya mendapatkan bantuan dan membuat aduan?**

<p>Jika pelanggan menghadapi kesulitan untuk membuat bayaran atau memerlukan maklumat tambahan tentang produk, manfaat dan keistimewaan, sila hubungi kami atau hantarkan e-mel kepada kami secepat mungkin di:</p>	<p><b>Hubungi/e-mel kami di:-</b> Asian Finance Bank Berhad Aras 2, Blok Podium, Kenanga International Jalan Sultan Ismail 50250 Kuala Lumpur Tel. : 03-20791000 Faks : 03-20791160 E-mel: <a href="mailto:feedback@asianfinancebank.com">feedback@asianfinancebank.com</a> Laman web : <a href="http://www.asianfinancebank.com">www.asianfinancebank.com</a></p>	<p><b>Aduan boleh dihantar kepada: -</b> <a href="mailto:ecomplaint@asianfinancebank.com">ecomplaint@asianfinancebank.com</a>. <b>Atau</b> <b>BNM Link / TELELINK</b> Blok D, Bank Negara Malaysia Jalan Dato' Onn 50480 Kuala Lumpur Tel. : 1-300-88-5465 Faks : 03-21741515 E-mel : <a href="mailto:bnmtelelink@bnm.gov.my">bnmtelelink@bnm.gov.my</a></p>
---	--	--

Maklumat yang dinyatakan dalam risalah penerangan produk ini sah pada Mac 2015.